LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT
2023

LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN)
PERUSAHAAN TIMAH

TIN INDUSTRY
(RESEARCH AND DEVELOPMENT) BOARD

ISI KANDUNGAN

LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH

Tingkat 8, Blok Barat, Wisma Golden Eagle Realty
142-C, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Tel: 603-2161 6171
Faks: 603-2161 6179
Emel: mcom@mcom.com.my
Laman Web: www.lpt.com.my

PERUTUSAN PENGERUSI

DATO' SERI MOHD AJIB ANUAR
PENGERUSI,
LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN)
PERUSAHAAN TIMAH

Bagi pihak Lembaga, saya amat berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. Laporan Tahunan ini mengandungi ringkasan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Timah dan pencapaiannya sepanjang tahun yang lalu dalam menggalakkan pembangunan di keseluruhan rantaian nilai dan bekalan industri timah Malaysia, sejajar dengan aspirasi Kerajaan bagi melihat sektor sumber mineral menyumbang sekurang-kurangnya 1% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara seperti yang telah digariskan di dalam Pelan Transformasi Industri Mineral Negara (TIM) 2021-2030.

Laporan ini merangkumi maklumat berkaitan prestasi industri timah tempatan sepanjang tahun, seperti pengeluaran, penggunaan timah domestik serta perkembangan-perkembangan dalam industri ini.

Tahun 2023 merupakan tahun yang signifikan buat industri timah sama ada pada peringkat domestik dan global. Pelbagai peristiwa penting telah berlaku sepanjang tahun tersebut yang mana telah mengukuhkan lagi kedudukan penting logam timah sebagai bahan teknologi yang kritikal untuk masa depan, serta diperkuatkan oleh inisiatif peralihan tenaga, Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR), pelaksanaan komunikasi 5G dan lain-lain kemajuan teknologi.

Harga timah mengalami ketidaktentuan terutamanya pada separuh pertama tahun 2023 apabila ianya meningkat ke paras tertinggi sebanyak USD32,000 setan dan menurun sehingga mencecah paras serendah sebanyak USD22,000 setan. Ketidaktentuan harga timah ini telah berkurangan pada separuh kedua tahun tersebut. Agak ganjil adalah harga timah telah berakhir di penghujung tahun 2023 pada paras yang sama dengan harganya di awal tahun.

Kenaikan dan penurunan harga timah ini telah memberi impak yang ketara kepada para pengguna timah terutamanya pengeluar produk berasaskan timah, apabila mereka perlu berdepan dengan pasaran timah yang sukar diramal sekaligus menyulitkan urusan mereka dalam menetapkan harga produk-produk mereka pada kadar yang kompetitif serta menguntungkan.

Dari segi bekalan, kegiatan eksplorasi timah pada peringkat global terus dilakukan dengan giat di Republik Demokratik Congo, Namibia, Australia dan United Kingdom. Keadaan sebaliknya pula berlaku di peringkat tempatan, apabila kegiatan eksplorasi timah tidak menunjukkan sebarang kemajuan yang memberansangkan. Amatlah malang sekali apabila persekitaran pelaburan mineral kita masih lagi tidak mempunyai daya tarikan meskipun ternyata dari sudut geologi bahawa masih terdapat sumber timah yang ekonomik untuk diterokai. Pentingnya terdapat sumber bekalan timah yang terjamin di peringkat domestik kini terlihat dengan timbulnya sekatan terhadap perlombongan bijih timah di Wilayah Wa, Myanmar bermula Ogos 2023 yang mana secara tiba-tiba telah mencetus kenaikan mendadak terhadap harga timah global. Walaupun peningkatan harga timah akibat daripada sekatan ini hanya sebentar sahaja, namun kejadian sebegini sudah cukup untuk memberi isyarat jelas akan betapa pentingnya sektor huluan industri timah diperkasa bagi memastikan terdapatnya bekalan timah yang mencukupi untuk memenuhi permintaan dari pelbagai sektor ekonomi di negara kita yang bergantung kepada timah sebagai bahan mentah utama.

Tahun 2023 juga telah menyaksikan logam timah diklasifikasikan secara rasmi sebagai bahan kritikal oleh beberapa negara pengeluar timah seperti Indonesia dan Australia. Walaupun impak pengumuman ini masih belum ketara, namun ianya merupakan suatu tindakan perlu dan penting, terutamanya apabila dunia mula bergerak ke arah peralihan tenaga dan 4IR, yang akan membolehkan pengeluaran secara besar-besaran pada kos terendah melalui aplikasi teknologi automasi serta penggunaan tenaga yang bersih, cekap dan mesra alam. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah pun secara tepatnya menyenaraikan timah sebagai salah satu daripada lima mineral strategik negara di dalam TIM 2021-2030 yang akan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara.

Pada awal penubuhan Lembaga Timah, Malaysia merupakan pengeluar terbesar timah dunia, dan objektif utamanya ketika itu adalah untuk meningkatkan penggunaan timah melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta aktiviti seranta. Walau bagaimanapun, senario ini telah berubah dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan Lem-

PERUTUSAN PENGERUSI

baga Timah perlu menyusun semula strateginya untuk kekal relevan dalam sumbangannya kepada negara. Ianya kini telah menyelaraskan semula keutamaannya ke arah membantu negara dalam menjana pendapatan dengan memanfaatkan kekayaan mineralnya, terutama sumber timah yang berpotensi besar yang masih wujud di negara ini berdasarkan maklumat geologi.

Sebagai sebahagian daripada penjajaran semula fokusnya ini, Lembaga Timah telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Persidangan "*Conference on the Development of Primary Tin Deposits in Malaysia*" (PTC 2023) pada bulan November 2023 bagi mengimbau kembali akan potensi perlombongan endapan timah primer di Malaysia. Dengan lebih daripada 200 orang peserta dari sektor awam, swasta dan akademia, Persidangan ini telah mencapai satu kejayaan besar dalam membangkitkan semula minat terhadap pembangunan industri timah pada peringkat huluan di Malaysia. Sebanyak lapan kertas teknikal telah dibentangkan termasuk dua oleh pakar industri timah dari Australia.

Selain daripada PTC 2023, Lembaga Timah telah memainkan peranan penting dalam menggalakkan dan memudahkan aktiviti penyelidikan berasaskan timah untuk memacu proses rekacipta dan inovasi yang seterusnya akan dapat meningkat dan menambah nilai kepada setiap segmen rantaian bekalan industri. Pada tahun 2023, Lembaga Timah telah meneruskan Program Geran Penyelidikan Lembaga Timah dengan menganugerahkan sebelas Geran Penyelidikan bernilai RM10,000 setiap satu kepada sebelas orang penyelidik terpilih, di mana sepuluh adalah daripada institusi pengajian tinggi tempatan manakala seorang adalah daripada sebuah pusat penyelidikan Kerajaan.

Walaupun Lembaga Timah kini memberi tumpuan yang lebih besar terhadap ekosistem industri huluan timah, ianya tidak mengabaikan para penggiat industri timah di peringkat hiliran. Lembaga Timah masih terus memberikan sokongan pentadbiran kepada Persatuan Pekilang Barangan Keluaran Timah Malaysia (MTPMA), sebuah persatuan yang terdiri daripada para pengeluar tempatan yang menghasilkan barangan berasaskan timah seperti pateri, plat timah dan piuter. Selain daripada sokongan pentadbiran tersebut, Lembaga Timah juga telah memainkan peranannya dalam menerbit dan menyebarkan maklumat berkaitan pengeluaran, ciri-ciri dan perbekalan timah, melalui penerbitan Majalah Persatuan yang diterbitkan empat kali setahun. Majalah tersebut memberikan maklumat terkini tentang perkembangan industri timah tempatan serta menjadi platform kepada syarikat pembuatan barangan berasaskan timah untuk mempromosikan produk-produk mereka.

Melangkah ke hadapan, Lembaga Timah optimis dan yakin bahawa timah akan kekal sebagai satu logam teknologi yang penting dan kritikal bagi masa depan. Ini terbukti dengan terdapatnya unjuran peningkatan permintaan bagi logam timah, terutamanya dalam sektor peralihan tenaga ke arah penggunaan elektrik sebagai sumber tenaga untuk menggantikan enjin pembakaran dalaman. Kami juga yakin bahawa perkembangan pesat dalam teknologi komunikasi, automasi, serta 4IR juga akan memacu permintaan terhadap logam ini.

Lembaga Timah tetap komited dalam misinya untuk membangunkan sumber timah Malaysia secara bertanggungjawab dan mampan bagi membantu negara menjana sumber pendapatan tambahan demi untuk meningkatkan ekonomi negara. Lembaga Timah juga komited untuk mencapai matlamat kemajuan negara, melalui pembangunan mampan serta memenuhi piawaian dalam kerangka Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Kami berazam untuk mengukuhkan usaha-usaha kami bagi mengekalkan momentum ini, serta meluaskan jangkauan rangkaian kami kepada para penggiat industri berkaitan dalam usaha memperkasa dan menambah nilai kepada keseluruhan rantaian bekalan.

Sebahagian besar daripada anda mungkin sedia maklum bahawa Kerajaan sedang dalam proses menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Mineral melalui penstrukturan semula Lembaga Timah untuk meliputi mineral-mineral komoditi yang lain. Proses ini masih lagi berjalan tetapi perkembangannya agak perlahan disebabkan wujudnya cabaran-cabaran dari sudut birokrasi. Namun begitu, transformasi Lembaga Timah kepada Lembaga Mineral haruslah dilihat sebagai satu langkah positif yang akan memberi manfaat besar kepada negara dalam jangka masa panjang.

Saya ingin mengakhiri perutusan ini dengan merakamkan penghargaan kepada semua anggota Lembaga atas sokongan yang diberikan kepada saya selaku Pengerusi Lembaga Timah sepanjang tahun 2023. Dalam menjalankan tugas dan fungsi kami, kita telah menerima kerjasama dan bantuan daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Dewan Perlombongan Malaysia (MCOM) dan badan-badan profesional seperti Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM), Institut Geologi Malaysia (IGM), Lembaga Ahli Geologi Malaysia (LAGM), Institut Kejuruteraan Mineral Malaysia (IMEM) dan lain-lain di mana ingin kami rakamkan setinggi-tinggi penghargaan. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Setiausaha Lembaga Timah, Tuan Hj. Muhamad Nor Muhamad dan kakitangan Urusetia. Tanpa kerja keras dan dedikasi mereka, pelaksanaan agenda Lembaga Timah dan penghasilan Laporan Tahunan ini tidak mungkin tercapai.

Salam Malaysia Madani

Dato' Seri Mohd Ajib Anuar
Pengerus

KEANGGOTAAN LEMBAGA TIMAH

ANGGOTA-ANGGOTA WAKIL

(Dicalonkan oleh Dewan Perlombongan Malaysia)

Dato' Seri Mohd Ajib Anuar, SSAP, DIMP - **Pengerusi**
Dato' Sri Hj. Ahmad Omar, SSAP, DIMP
Dato' Dr Ir Patrick Yong Mian Thong, DIMP
[Anggota Ganti: P. Geol. Madzlan Zam]
Hj. Johaizal Dato' Musa

(Dicalonkan oleh Persatuan Lombong-Lombong Cina Se-Tanah Melayu)
Dato' Chin Lean Choong, DPMP, JP
Ir Steve Zhen Xiong Loh

ANGGOTA-ANGGOTA RASMI

(Dicalonkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

Muhammad Rosli Muhammad Jaafar *(sehingga 16 Julai 2023)*
Timbalan Setiausaha, Bahagian Mineral dan Geosains, NRECC

Hj. Hisamuddin Termidi *(sehingga 30 Mac 2023)*
Ketua Pengarah, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)
[Anggota Ganti: Datuk P.Geol. Zamri Ramli
Timbalan Ketua Pengarah (Korporat dan Ekonomi Mineral), JMG]

Dr Nazwin Ahmad
Pengarah, Pusat Penyelidikan Mineral (PPM), JMG
[Anggota Ganti: Dr Ismail Ibrahim
Pegawai Penyelidik Kanan, PPM, JMG]

SETIAUSAHA

Hj. Muhamad Nor Muhamad, JSM

KEAHLIAN JAWATANKUASA

JAWATANKUASA PENGURUSAN SERANTA

Dato' Seri Mohd Ajib Anuar, SSAP, DIMP - **Pengerusi**
Dato' Sri Hj. Ahmad Omar, SSAP, DIMP
Dato' Dr Ir Patrick Yong Mian Thong, DIMP
[Ahli Ganti: P. Geol. Madzlan Zam]
Dato' Chin Lean Choong, DPMP, JP
Ir Steve Zhen Xiong Loh
Hj. Johaizal Dato' Musa

JAWATANKUASA AUDIT

Muhammad Rosli Muhammad Jaafar *(sehingga 16 Julai 2023)* - **Pengerusi**
Dato' Sri Hj. Ahmad Omar, SSAP, DIMP
Dato' Chin Lean Choong, DPMP, JP
Hj. Muhamad Nor Muhamad, JSM
Emil Nuruddin Che Jamaludin Mahmud - Setiausaha

ANGGOTA-ANGGOTA WAKIL

DATO' SERI MOHD AJIB ANUAR
Pengerusi
Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah

DATO' SRI HJ. AHMAD OMAR

DATO' CHIN LEAN CHOONG

DATO' DR IR PATRICK YONG MIAN THONG

HJ JOHAIZAL DATO' HJ MUSA

IR STEVE ZHEN XIONG LOH

ANGGOTA-ANGGOTA RASMI

MUHAMMAD ROSLI MUHAMMAD JAAFAR
(sehingga 16 Julai 2023)

HJ HISAMUDDIN TERMIDI
(sehingga 30 Mac 2023)

DR NAZWIN AHMAD

ANGGOTA-ANGGOTA GANTI

P.GEOL. MADZLAN ZAM

DATUK P. GEOL. ZAMRI RAMLI

DR ISMAIL IBRAHIM

SETIAUSAHA

HJ MUHAMAD NOR MUHAMAD

CARTA ORGANISASI

URUSETIA

Lembaga Timah tidak mempunyai kakitangannya tersendiri. Segala urusan keurusetiaan, pentadbiran dan pengkeraniannya dikendalikan oleh kakitangan Dewan Perlombongan Malaysia (MCOM) di bawah dasar perkongsian kos bersama. Urusetia juga mengendalikan pentadbiran Persatuan Pekilang Barangan Keluaran Timah Malaysia (MTPMA), sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh Lembaga Timah sebagai menyokong fungsinya dalam memajukan kepentingan dan pembangunan sektor perkilangan hiliran timah. Kakitangan Urusetia terdiri daripada lapan pegawai kanan dan dua kakitangan sokongan pentadbiran termasuk seorang Perunding Teknikal.

ALAMAT URUSETIA

Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah
Tingkat 8, Blok Barat
Wisma Golden Eagle Realty
142-C, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tel: 603-2161 6171
Faks: 603-2161 6179
Emel: mcom@mcom.com.my
Laman Web: www.lpt.com.my

PENUBUHAN

Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah) telah ditubuh di bawah Seksyen 4, Ordinan Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, No. 58 tahun 1953, dan telah beroperasi semenjak tahun 1954. Pada bulan Mac 1991, Ordinan tersebut telah dipinda dan diwarta sebagai perundangan terpinda yang dinamakan Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah No.455 tahun 1953.

Akta ini memperuntukkan bagi kutipan ses ke atas timah yang dieksport dari Malaysia. Ianya juga memperuntukkan penubuhan satu Kumpulan Wang di mana segala kutipan wang sebagai ses hendaklah dimasukkan ke dalamnya. Akta ini juga menubuhkan satu Lembaga Timah bagi mentadbir dan mengurus Kumpulan Wang tersebut untuk tujuan membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan, seranta dan lain-lain bagi manfaat industri timah Malaysia. Mulai Julai 2013, kutipan ses timah telah ditetapkan pada kadar 40 sen sekilogram ke atas bijih timah yang dieksport.

Akta ini juga menubuhkan satu Lembaga Timah bagi ***mentadbir dan mengurus Kumpulan Wang tersebut untuk tujuan membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan, seranta dan lain-lain*** *bagi manfaat industri timah Malaysia.*

OBJEKTIF

1. Untuk membantu membangunkan industri timah yang mampan dan bersepadu sepenuhnya dengan menggalak serta memudahkan pertumbuhan dan pelaburan dalam keseluruhan ekosistem industri timah, termasuk sektor huluan, pertengahan dan hiliran serta rantaian bekalannya.

2. Untuk menjalan dan memudahcarakan aktiviti-aktiviti R&D yang boleh memberi manfaat kepada industri timah di Malaysia.

3. Untuk merangsang, mempopular dan memperluaskan penggunaan timah di dalam industri pembuatan barangan berasaskan timah berdasarkan kelebihan tekno-ekonomi logam tersebut, bagi memberi manfaat kepada kepentingan industri timah di Malaysia.

4. Untuk menghebah dan menyebarkan maklumat mengenai pengeluaran, ciri-ciri, kesediaadaan dan kegunaan timah dalam kehidupan seharian.

5. Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dan bermanfaat kepada industri timah serta pemegang taruhnya.

FUNGSI

1

Merancang dan menggubal strategi-strategi yang wajar bagi pembangunan industri timah tempatan.

2

Merancang dan menggubal dasar-dasar penyelidikan, pembangunan dan seranta yang bersepadu untuk memajukan industri timah tempatan.

3

Memberi bantuan khidmat tekno-ekonomi serta menggalakkan pemindahan teknologi kepada industri timah tempatan.

4

Mewujud dan membangunkan industri pembuatan berasaskan timah dalam pembangunan bersepadu industri timah tempatan.

5

Menganjur aktiviti-aktiviti sokongan lain yang boleh mempertingkat-kan lagi pembangunan serta imej pro-aktif industri timah.

PIAGAM PELANGGAN

1. Memberikan khidmat nasihat pakar mengenai keseluruhan spektrum industri timah.

2. Memperkukuhkan lagi hubungan rapat di antara industri perlombongan dengan Kerajaan.

3. Menggalak dan meningkatkan pembangunan industri pembuatan barangan berasaskan timah di Malaysia.

4. Memberikan perkhidmatan mesra serta maklumat yang jitu dan terkini kepada para pelawat tempatan dan asing.

5. Menyebarkan maklumat tepat mengenai perkembangan semasa industri timah melalui penerbitan-penerbitan yang sahih dan terkini.

6. Menguruskan dengan cekap Kumpulan Wang yang mengandungi kutipan ses untuk memastikan ianya digunakan dengan berkesan bagi pembangunan industri timah Malaysia.

7. Memastikan semua aktiviti-aktiviti seranta, penyelidikan dan pembangunan (R&D) menepati keperluan dan kehendak semasa serta masa depan industri timah dan negara.

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM

Kesemua aktiviti seranta dan perhubungan awam Lembaga Timah diselia dan diawasi oleh Jawatankuasa Pengurusan Seranta (JPS). Jawatankuasa ini ditubuhkan mengikut Seksyen 6(1) Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953. Ahli-ahli JPS terdiri daripada kesemua enam Anggota Wakil Lembaga, termasuk Pengerusinya, YBhg. Dato' Seri Mohd Ajib Anuar, yang juga adalah Pengerusi Lembaga Timah.

JPS telah bermesyuarat sebanyak lima kali sepanjang tahun 2023, serentak dengan mesyuarat Lembaga, iaitu pada bulan Januari, Mac, Julai, September dan November. Kesemua mesyuarat tersebut diadakan secara hibrid dengan kehadiran beberapa Anggota Lembaga secara fizikal di Bilik Persidangan Urusetia dan selebihnya secara maya. Semua aktiviti seranta dan program yang dijalankan sepanjang tahun telah dilaporkan semasa mesyuarat JPS di mana ianya dibincang dan diluluskan.

Aktiviti-aktiviti perhubungan awam utama serta program seranta yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

- Penerbitan;
- Penerimaan pelawat;
- Penganjuran dan penyertaan di dalam persidangan, forum, bengkel dan dialog;
- Khidmat pinjaman; dan
- Khidmat nasihat.

PENERBITAN

Selaras dengan salah satu objektifnya iaitu untuk menghebah dan menyebarkan maklumat mengenai pengeluaran, ciri-ciri dan ketersediaan timah, Lembaga telah menghasilkan tiga penerbitan utama secara berkala, iaitu *Malaysian Tin Bulletin, Malaysian Press Cuttings* dan *Malaysian Tin Products Newsletter* sepanjang tahun 2023. Penerbitan ini disiap sedia dan dihasilkan sendiri oleh kakitangan Urusetia sebelum diedar kepada para penggiat industri, kalangan pertubuhan perlombongan berkaitan serta orang awam secara percuma.

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM



Malaysian Tin Bulletin
(Buletin Timah Malaysia)

Buletin Timah Malaysia (MTB) merupakan penerbitan media seranta dan perhubungan awam utama Lembaga. Ia diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris pada setiap bulan dan diedarkan di dalam dan luar negara. Buletin ini berperanan sebagai sumber maklumat dan rujukan penting berkaitan industri timah serta perkembangannya. Setiap terbitan MTB merangkumi liputan mengenai pasaran timah, data perbekalan dan permintaan, serta berita-berita terkini terhadap unjuran, prospek dan arah aliran industri timah tempatan, serantau dan antarabangsa. Ianya merupakan saluran penting bagi penyebaran maklumat relevan berkaitan industri timah. MTB diterbitkan dalam format digital dan cetakan dengan jumlah edaran sebanyak 1,000 naskah setiap terbitan. Versi digital MTB juga boleh didapati dalam talian dan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga.


LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH
THE TIN INDUSTRY (RESEARCH AND DEVELOPMENT) BOARD
(KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM)

MALAYSIAN PRESS CUTTINGS
(FOR PRIVATE CIRCULATION ONLY)

No : 03/2023
Date : 31/05/2023
Ref : PMC 9/5/XXXVI

Lynas C&L stays six more months
Licence valid until Jan 1, says firm

THE STAR 9/5/2023

Sustainable mining policy in the works

THE STAR 9/5/2023

Malaysian Press Cuttings
(Keratan Akhbar Malaysia)

Keratan Akhbar Malaysia (MPC) merupakan satu lagi media penting bagi penyebaran berita dan maklumat terkini mengenai industri ini. Ia mengandungi koleksi keratan artikel-artikel dari akhbar-akhbar dan lain-lain media cetak yang diterbitkan semula serta diedarkan secara berkala kepada mereka di dalam industri dan lain-lain yang mungkin akan dapat manfaat daripada liputan berita-berita tersebut. Sebanyak 100 naskah diedarkan kepada pihak yang berminat setiap terbitan.

Malaysian Tin Products Newsletter
(Majalah Barangan Timah Malaysia)

Majalah Barangan Timah Malaysia berfungsi sebagai penerbitan rasmi Persatuan Pekilang Barangan Keluaran Timah Malaysia (MTPMA), sebuah persatuan industri yang diurus tadbir oleh Urusetia Lembaga Timah. Ianya diterbitkan pada tiap-tiap suku tahun dan setiap terbitan mengandungi maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti Persatuan dan ahli-ahlinya, data dan perangkaan berkaitan industri hiliran pembuatan barangan berasaskan timah serta berita-berita berkaitan, di peringkat tempatan dan antarabangsa. Majalah ini diterbitkan dalam format digital dan cetakan dengan sebanyak 250 naskah diedarkan setiap terbitan. Versi digital Majalah ini juga boleh didapati dalam talian dan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga.

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM

Carta 1: Aliran Pengedaran Penerbitan-Penerbitan Lembaga Timah (2019-2023)

Carta 1 ini menunjukkan aliran edaran ketiga-tiga penerbitan utama Lembaga Timah sepanjang tahun 2019 hingga 2023.



PENERIMAAN PELAWAT

Sepanjang tahun laporan, Urusetia telah menerima kunjungan pelawat-pelawat tempatan dan dari luar negara yang datang dengan tujuan untuk memperoleh maklumat berkenaan potensi sumber mineral negara, aktiviti-aktiviti penerokaan dan perlombongan, perundangan dan peraturan, peluang-peluang pelaburan, sumber-sumber dan rizab-rizab mineral, pekerjaan, data perangkaan yang berkaitan serta maklumat terkini mengenai hal-hal dan isu-isu berkaitan pembangunan industri. Kakitangan Urusetia akan memberi mereka maklumat dan input yang diperlukan serta naskah-naskah penerbitan Lembaga Timah.

Urusetia juga menerima pelbagai pertanyaan dan soalan yang diajukan melalui panggilan telefon, faks, surat, e-mel dan menerusi laman sesawang https://www.lpt.gov.my/ dan malaysianminerals.com. Pertanyaan-pertanyaan tersebut lazimnya datang daripada pihak-pihak yang berminat di dalam industri mineral termasuklah pihak-pihak berkepentingan, agensi-agensi kerajaan, media serta orang awam.

Jumlah pelawat yang berkunjung ke Urusetia pada tahun 2023 menurun sedikit berbanding tahun sebelumnya. Antara pelawat-pelawat yang mengunjungi Urusetia adalah wakil-wakil daripada pertubuhan antarabangsa seperti *British Geological Survey*, institusi pengajian tinggi seperti Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT) serta syarikat-syarikat swasta yang memohon maklumat mengenai industri sumber mineral Malaysia serta meneroka potensi untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang perlombongan. Terdapat juga lawatan delegasi dari *Chengdu Centre-China Geological Survey (CDCGS)/ China-ASEAN Geosciences Cooperation Centre (CAGCC)* untuk mengukuhkan kerjasama dalam bidang geosains antara China dan Malaysia serta bagi membincangkan kemungkinan penubuhan *ASEAN-China Geoscience Information Big Data Platform.*

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM



< Bersama pelawat dari British Geological Survey

^ Bersama pelawat dari CD-CGS/ CAGCC

PENGANJURAN DAN PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN, FORUM, BENGKEL DAN DIALOG

Pada tahun 2023, Lembaga Timah terus bergiat secara aktif melalui penganjuran serta penyertaan di dalam pelbagai persidangan, bengkel, forum, seminar, dialog dan mesyuarat bagi memenuhi pelbagai peranannya termasuk merancang dan merangka strategi-strategi yang sesuai untuk pembangunan industri timah tempatan, serta menganjurkan aktiviti-aktiviti sokongan lain yang boleh meningkatkan lagi pembangunan dan imej pro-aktif industri timah.

Anggota-anggota Lembaga dan kakitangan Urusetia telah memberikan sokongan yang padu serta turut terlibat di dalam beberapa acara yang telah dianjurkan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan kemudiannya Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan pertubuhan-pertubuhan industri seperti Dewan Perlombongan Malaysia (MCOM), serta pelbagai universiti dan institusi pengajian tinggi yang bermatlamat untuk meningkatkan lagi pembangunan timah dan sumber mineral lain di Malaysia.

Acara utama Lembaga pada tahun 2023 ialah Persidangan selama satu hari bertajuk "*The Development of Primary Tin Deposits in Malaysia*" yang berlangsung pada 16 November 2023 di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur. Lembaga telah menganjurkan Persidangan ini bersama MCOM, dengan kerjasama NRECC dan JMG, serta disokong oleh Institut Geologi Malaysia (IGM), Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Persatuan Pengeluar Produk Barangan Timah Malaysia (MTPMA) dan Lembaga Geologi Malaysia (BOG).

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM

Bertemakan *"Revisiting Malaysia's Potential for Mining of Primary Tin Deposits"*, Persidangan tersebut telah dianjurkan dengan objektif utamanya untuk membangkitkan semula minat bagi membangunkan sumber mineral timah yang berpotensi besar di negara ini.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JMG, YBhg. Datuk P.Geol. Hj. Zamri Ramli bersama Tuan Hj. Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor, Setiausaha Bahagian Mineral dan Geosains (BMG) NRECC yang hadir sebagai tetamu kehormat. Persidangan itu telah menarik kira-kira 204 orang peserta daripada sektor awam dan swasta, termasuk agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, syarikat-syarikat perlombongan, universiti-universiti dan komuniti perlombongan berkaitan. Selain daripada Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi Lembaga Timah dan Ucapan Perasmian oleh Ketua Pengarah JMG, aturcaranya melibatkan pembentangan lapan kertas teknikal oleh pakar-pakar dalam bidang penerokaan dan perlombongan endapan timah primer dan pemprosesan bijih timah. Persidangan ini diakhiri dengan Perbincangan Panel mengenai *"Revitalising the Primary Tin Mining Industry in Malaysia - Issues and Challenges"*.

Aturcara Primary Tin Conference (PTC) 2023

THURSDAY
16 NOVEMBER 2023

Time	Event	Speaker(s)
08:00	Conference Registration *(Level 9, Ballroom 2)*	
09:00	Welcome Remarks	YBhg Dato' Seri Mohd Ajib Anuar Chairman, Tin Industry (Research and Development) Board President, Malaysian Chamber of Mines
09:30	Speech & Opening Ceremony	YBhg Datuk P.Geol. Zamri Ramli Director General, Department of Mineral and Geoscience Malaysia
10:00	Refreshment Break | Networking *(Foyer)*	
Session Chairperson: P.Geol. Teoh Lay Hock		
10:30	Exploration strategies for primary tin deposits in Peninsular Malaysia.	P.Geol. Dr Teh Guan Hoe Industry Consultant, Malaysia
11:00	Sungai Lembing: Can we find another one?	Dato' P.Geol. Sia Hok Kiang Malaco Mining Sdn Bhd, Malaysia
11.30	Economic primary tin deposits, how to look for one: Our experience at RHT.	P.Geol. Madzlan Zam Rahman Hydraulic Tin Sdn Bhd, Malaysia
12:00	Revitalising Blue Tier Tinfield in Tasmania, Australia: A case study and its implications.	Dr Joe Xie Jianjiao Yunnan Tin Australia
12:30	Networking Lunch *(Level 9, Coffee House)*	
Session Chairperson: P.Geol. Teoh Lay Hock		
14:00	Recent advances in metallurgical assessment of tin ores.	Dr Shengli Zhao ALS Metallurgy Australia
14:30	Application of induced polarised and resistivity methods to investigate the extension of primary tin deposits in the Sungai Lembing Tin Mine, Kuantan, Pahang, Malaysia.	P.Geol. Dr Mohd Rozi Umor Department of Earth Sciences and Environment Faculty of Science and Technology Universiti Kebangsaan Malaysia
15:00	In search of primary tin deposits: The discovery of greisen tin in Karangan, Kulim, Kedah.	P.Geol. Fakhruddin Afif Fauzi Kedah/Perlis/Pulau Pinang State Office Department of Mineral and Geoscience Malaysia
15:30	Enhancing tin grade by removing siderite from primary tin ore.	Mr Costantine Joannes Mineral Research Centre Department of Mineral and Geoscience Malaysia
16:00	Refreshment Break | Networking *(Foyer)*	
16:30	Panel Discussion: "Revitalising the Primary Tin Mining Industry in Malaysia - Issues and Challenges"	Moderator: Assoc Prof. Ir Dr Syed Fuad Saiyid Hashim Panelists: Tuan Hj Kamaruddan Abdullah Dato' P.Geol. Sia Hok Kiang Dr Joe Xie Jianjiao P.Geol. Dr Teh Guan Hoe
17:30	Closing of Conference	

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM

^ *Di Persidangan Development of Primary Tin Deposits in Malaysia atau Primary Tin Conference (PTC) 2023*

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM

Sepanjang tahun 2023, anggota-anggota Lembaga Timah dan kakitangan Urusetia telah menyertai pelbagai forum, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh agensi-agensi berkaitan mengenai perkara-perkara dan isu-isu bersangkutan dengan pembangunan timah dan industri sumber mineral secara amnya. Kebanyakan daripada acara-acara ini telah dianjurkan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkaitan seperti NRECC atau JMG, dan organisasi-organisasi profesional seperti IGM dan GSM.

Salah satu acara tersebut ialah sesi libat urus penggubalan Dasar Mineral Negara Ke-3 2024 (DMN3) yang dianjurkan oleh NRECC dari 8 hingga 10 Ogos 2023 di Bangi Golf Resort, Bangi, Selangor. Sesi libat urus ini dianjurkan bagi membolehkan Kementerian mengumpul input dan maklum balas daripada pihak berkepentingan berkaitan dalam merangka DMN3 sebelum dasar itu dibentangkan kepada Kabinet, serta untuk memastikan dasar itu mematuhi dasar-dasar Kerajaan lain yang berada di bawah pelbagai kementerian seperti Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030. Draf Dasar Mineral Negara ke-3 mengandungi lima komponen, 26 strategi dan 74 inisiatif.

Semasa sesi libat urus ini, para peserta telah dijemput untuk memberikan input dan maklum balas mengenai draf dasar tersebut. Antara isu yang dibangkitkan termasuklah kebimbangan mengenai kemusnahan kawasan hutan akibat aktiviti perlombongan dan kesannya terhadap Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), dan kebimbangan berkaitan pemulihan dan pemeliharaan kawasan perlombongan pasca aktiviti perlombongan .

^ Di Sesi Libat Urus Draf DMN3

Satu lagi acara anjuran NRECC yang disertai Lembaga Timah ialah Permukiman Pengurusan NRECC 2023, yang telah diadakan dari 5 hingga 8 Julai 2023 di Hotel Hatten, Melaka. Tujuan utama permukiman pengurusan ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada agensi dan jabatan di bawah Kementerian untuk mencadangkan sumber berpotensi yang boleh menjana pendapatan atau hasil tambahan kepada Kerajaan selain daripada sumber-sumber tradisional.

Acara-acara lain yang turut disertai Lembaga Timah pada tahun Laporan ialah Majlis Dialog Belanjawan 2023 yang berlangsung pada 17 Januari 2023 dan Majlis Libat Urus Belanjawan 2024 yang berlangsung pada 14 Julai 2023, kedua-duanya dianjurkan oleh Kementerian Kewangan, serta Program Naratif Ekonomi Madani dan Dialog Belanjawan 2024 yang telah dianjurkan oleh NRECC pada 13 September 2023. Di acara yang kedua itu, YB Menteri NRECC telah menjelaskan peranan NRECC dalam Naratif Ekonomi Madani yang telah diterima pakai oleh Kerajaan perpaduan yang baharu.

^ Di Majlis Libat Urus Belanjawan 2024

AKTIVITI SERANTA & PERHUBUNGAN AWAM

KHIDMAT PINJAMAN

Khidmat pinjaman merupakan aktiviti seranta dan perhubungan awam yang penting yang dilaksanakan oleh Lembaga Timah. Sepanjang tahun laporan, Lembaga Timah telah memberikan khidmat pinjaman dalam bentuk koleksi buku, filem, slaid, video dan cakera padatnya yang berkaitan dengan industri timah kepada pelbagai syarikat perlombongan, Kementerian dan agensi Kerajaan, universiti, sekolah, wartawan, penerbit, pegawai bank dan penganalisa pelaburan. Koleksi gambar-gambar dan pelbagai penerbitannya serta bahan-bahan berkaitan industri perlombongan timah termasuk buku-buku di perpustakaannya juga turut dipinjamkan kepada mereka yang memerlukan bahan-bahan tersebut untuk tujuan-tujuan khusus, seperti penyediaan pembentangan untuk persidangan, seminar, pameran dan sebagainya. Turut disediakan untuk pinjaman ialah sebuah model kapal korek dan diorama lombong pam kelikir untuk tujuan pameran dan sebagainya.

KHIDMAT NASIHAT

Urusetia telah menerima pelbagai pertanyaan khusus sepanjang tahun laporan dalam bentuk panggilan telefon dan emel untuk mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai perkara-perkara berkaitan industri sumber mineral di Malaysia. Pertanyaan-pertanyaan tersebut telah diberikan layanan yang sewajarnya oleh kakitangan Urusetia dengan memberikan maklumat dan nasihat serta panduan yang bersesuaian. Untuk pertanyaan yang memerlukan maklumat dan nasihat lanjut, mereka akan dirujuk kepada agensi Kerajaan yang sesuai, seperti NRES dan JMG.

Lain-lain khidmat nasihat yang diberikan oleh kakitangan Urusetia sepanjang tahun laporan meliputi perkara-perkara berkaitan peluang pelaburan perlombongan, urusniaga mineral, hubungan dan jalinan industri, usahasama R&D, modal insan dan lain-lain yang berkaitan dengan industri timah.

Jadual 1 berikut menunjukkan pecahan aktiviti seranta dan perhubungan awam utama, selain daripada penerbitan, yang telah dilaksanakan oleh Lembaga sepanjang lima tahun yang lalu.

Jadual 1: Pecahan Aktiviti-aktiviti Seranta / Perhubungan Awam Utama Lembaga Timah

	2019	2020	2021	2022	2023
Penerimaan Pelawat	49	20	10	20	26
Persidangan/ Forum, dan lain-lain	16	12	18	18	15
Khidmat Pinjaman	19	15	12	14	12
Khidmat Nasihat	20	11	8	13	9

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

Pada tahun 2023, dana penyelidikan, kemajuan dan lain-lain tujuan am telah digunakan untuk menyokong dua aktiviti utama, iaitu, pemberian geran untuk menyokong projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan timah yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik di universiti tempatan dan menaja penganjuran Persidangan'*Conference on the Development of Primary Tin Deposits in Malaysia*'.

GERAN PENYELIDIKAN LEMBAGA TIMAH 2023

Walaupun tidak mempunyai kemudahan R&D sendiri, Lembaga Timah tetap berperanan dalam membantu R&D dengan menyalurkan geran sebagai satu bentuk suntikan kewangan kepada kegiatan penyelidikan yang relevan yang boleh memberi manfaat kepada industri timah di Malaysia.

Pada tahun 2023, Urusetia telah menerima sebanyak 108 permohonan Geran Penyelidikan Lembaga Timah 2023 daripada 13 universiti awam dan swasta tempatan serta pusat penyelidikan Kerajaan. Daripada permohonan-permohonan ini, Jawatankuasa Dalaman Geran Penyelidikan Lembaga Timah telah menyenarai pendek 23 permohonan sebelum dinilai oleh penilai bebas luar yang menjalankan semakan teknikal secara teliti dan telah memilih 11 permohonan yang layak menerima Geran Penyelidikan Lembaga Timah 2023. Setiap penyelidik ini telah dianugerahkan geran bernilai RM10,000 untuk membantu dalam pembiayaan perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan mereka.

Daripada jumlah penerima geran tersebut, tiga orang adalah dari Universiti Malaya (UM), manakala Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masing-masing mempunyai dua orang penerima geran, manakala Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Pusat Penyelidikan Mineral (PPM) masing-masing mempunyai seorang penerima geran. Topik-topik penyelidikan yang terpilih pula mencakupi pelbagai bidang yang meluas dan pelbagai. Walaupun kebanyakannya masih berkaitan dengan penggunaan timah, senarai anugerah 2023 turut merangkumi beberapa projek penyelidikan di dalam sektor huluan seperti penerokaan timah, pemulihan lombong timah dan penambahbaikan dalam pemerolehan timah daripada proses pengekstrakan bijih timah.

Penerima-penerima Geran Penyelidikan Lembaga Timah 2023

Penyelidik	Institusi	Topik Penyelidikan
Dr Shafie Kamaruddin	IIUM	*Development of an Automated Solder Joint Defect Detection System*
Ts. Dr Rohaya Abdul Malek	UniMAP	*New Advanced Mg-Sn-Mn Alloy as Three-Dimensional (3D) Printing Biomaterial Filament for Medical Impact*
Muhamad Irman Khalif Ahmad Aminuddin	USM	*Cassiterite Geochemistry of the Hulu Perak Tin Deposit: Implication for Ore-Forming Processes and Mineral Exploration*
Dr Ang Wei Lun	UKM	*High Performance Sno2-Graphene Electrodes for Electrochemical Oxidation Treatment of Palm Oil Mill Effluent and Wastewater Reclamation*
Assoc. Prof. Dr Kumara Thevan A/L Krishnan	UMK	*Carbon Sequestration Potential of Bamboo Planting in Tin Mine Rehabilitation Projects: A Survey of Existing Practices and Perceptions*
Assoc. Prof. Dr Faiz Bukhari Mohd Suah	USM	*Recovery of Tin from Tin Mine Tailings Water by Using a Polymer Inclusion Membrane*
Assoc. Prof. Dr Ramesh Kasi	UM	*Corrosion Protection Nanocomposite Coatings based on Tin Oxide (Sno2) Incorporated into Organic Resins*
Datin Prof. Ir Dr Bushroa Abdul Razak	UM	*Physico-Chemical Properties of Tin Dioxide Nano-Films for Antifogging and Self-Cleaning Applications*
Assoc. Prof. Dr Tan Kong Wai	UM	*Organotin Complexes of Boronic Acid as Theranostic Agents*
Costantine Joannes	PPM	*Enhancement of Tin Recovery from Siderite-Primary Tin Ore*
Dr Wong Wai Yin	UKM	*Tin Oxides Supported PT Nanocatalysts as Durable Cathode for Proton Exchange Membrane Fuel Cell Application*

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

KOLABORASI DENGAN ORGANISASI-ORGANISASI DAN INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

Lembaga Timah terus bekerjasama rapat dengan UMP dalam memberikan khidmat nasihat dan sokongan khususnya berkaitan pengendalian program ijazah Sarjana dalam Perlombongan dengan Teknologi Mineral. Perunding Teknikal Lembaga, selaku ahli Panel Akademik-Industri (IAP), Fakulti Kimia & Teknologi kejuruteraan Pemprosesan telah membantu menilai kurikulum dan struktur kursus Program M.Scnya untuk memastikan ia kekal relevan dengan keperluan industri.

Lembaga Timah juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan lain terutamanya NRES dan JMG, di mana JMG menjalankan kerja-kerja penyelidikan (termasuk penyelidikan berkaitan timah) di Pusat Penyelidikan Mineralnya di Ipoh.

PENJEJAKAN TERHADAP PENYELIDIKAN TIMAH DAN LAIN-LAIN PERKEMBANGAN DALAM INDUSTRI GLOBAL

Untuk sentiasa prihatin dengan perkembangan terkini dalam industri timah di peringkat global, Lembaga Timah meneruskan aktiviti peninjauan menyeluruhnya dengan sumber maklumat utama diperolehi daripada Persatuan Timah Antarabangsa (ITA) yang berpangkalan di United Kingdom, internet dan penerbitan media. Ringkasan perkembangan terkini dibentangkan pada setiap mesyuarat Lembaga. Walaupun sebelum ini fokus utama aktiviti peninjauan itu adalah ke atas aplikasi dan penggunaan timah, tumpuannya sekarang beralih kepada aktiviti-aktiviti huluan yang berkaitan dengan bidang perbekalan meliputi eksplorasi, perlombongan dan pemprosesan timah serta pengeluaran logam timah sekunder daripada aktiviti kitar semula.

AKTIVITI-AKTIVITI KUMPULAN PENYELIDIK TEKNOLOGI PATERI TIMAH (TSTRG)

TSTRG telah ditubuhkan oleh Lembaga Timah pada tahun 2017 sebagai platform bagi komunikasi intelektual di antara para akademik dan industri untuk memajukan industri timah Malaysia melalui program-program yang berkaitan penyelidikan serta forum-forum akademia-industri. Pengerusi TSTRG ialah Prof. Madya Ir Dr Mohd Arif Anuar Mohd Salleh dari UniMAP, yang dibantu oleh beberapa orang penyelidik dari pelbagai universiti di Malaysia sebagai ahli jawatankuasa. Perunding Teknikal Lembaga Timah berperanan sebagai Penasihat manakala kakitangan dari Urusetia Lembaga Timah pula berperanan sebagai pegawai perhubungan.

Pada tahun 2023, TSTRG telah terlibat dalam dua aktiviti yang dianjurkan oleh UNIMAP. Aktiviti yang pertama ialah program *International Mobility-New Colombo Plan* yang telah berlangsung dari 19 November hingga 2 Disember 2023. Dalam program ini, lapan orang pelajar dan dua orang kakitangan dari University of Queensland, bersama 12 orang pelajar dari UniMAP telah menyertai beberapa siri aktiviti untuk meneroka kemajuan dalam pembuatan elektronik di Malaysia. Aktiviti yang kedua pula melibatkan penganjuran *International Research Talk* yang telah berlangsung pada 29 November 2023. Ceramah bertajuk *Advanced Characterisation Techniques for Material Development: Case Studies* telah disampaikan oleh Prof. Dr Kazuhiro Nogita dari University of Queensland, Australia.

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

^ *Peserta-peserta di program International Mobility - New Colombo Plan (NCP)*

^ *International Research Talk disampaikan oleh Prof Dr Kazuhiro Nogita*

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

AKTIVITI-AKTIVITI SEKTOR HILIRAN

Satu lagi fungsi utama Lembaga Timah adalah untuk mempromosi dan menyokong perkembangan aktiviti-aktiviti pada peringkat hiliran industri timah melibatkan sektor pembuatan barangan berasaskan timah. Bagi melaksanakan fungsi ini, Urusetia Lembaga Timah telah meneruskan peranannya dalam memberikan sokongan pentadbiran kepada MTPMA sepanjang tahun laporan. Persatuan ini yang ditubuhkan pada tahun 1989, adalah dipertanggungjawabkan untuk memajukan kepentingan dan pembangunan sektor pembuatan barangan berasaskan timah. Sehingga akhir tahun 2023, keahlian Persatuan terdiri daripada 14 syarikat yang beroperasi dalam tiga sub-sektor hiliran yang utama, iaitu pateri, plat timah dan piuter.

MTPMA ditadbir urus oleh satu Jawatankuasa Pengurusan yang dianggotai sembilan orang yang mewakili ahli-ahli syarikat Persatuan, dan bertanggungjawab menentukan hala tuju strategik Persatuan. Dua Jawatankuasa Kecil, iaitu Jawatankuasa Kecil Sidang Pengarang Majalah dan Jawatankuasa Kecil Pateri telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Pengurusan untuk membantu dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab serta menjalankan aktiviti dan program tahunannya. Sepanjang tahun laporan, Jawatankuasa Pengurusan dan kedua-dua Jawatankuasa Kecilnya telah mengadakankan empat mesyuarat secara hibrid selaras dengan keperluan statutorinya, iaitu pada bulan Februari, Mac, Jun dan September. Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil pula telah diadakan pada hari yang sama sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan.

Jawatankuasa Kecil Pateri berperanan sebagai satu platform khusus bagi ahli-ahli Persatuan dari kalangan syarikat pateri untuk sama-sama berbincang mengenai hal-hal yang menjadi kepentingan bersama. Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil ini telah memperolehi banyak manfaat dengan menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut yang berperanan sebagai satu saluran bagi pelaporan serta perkongsian pengetahuan, pengalaman dan jangkaan terhadap pasaran pateri serta lain-lain isu berkaitan dan cabaran-cabaran terhadap industri pateri timah sama ada di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

Jawatankuasa Kecil Sidang Pengarang Majalah ditugaskan untuk menyelia penerbitan MTPMA, iaitu *Malaysian Tin Products Newsletter* yang merupakan medium utama seranta dan perhubungan awamnya. Majalah ini mengandungi berita-berita berkaitan industri pembuatan barangan berasaskan timah sama ada di peringkat global dan tempatan, di samping memberikan maklumat terkini mengenai perkembangan dalam Persatuan dan ahli-ahlinya. Ia diedar kepada semua ahli Persatuan, agensi kerajaan, universiti-universiti dan lain-lain pihak berkaitan secara percuma. Persatuan telah meneruskan penerbitan dan mengedarkan Majalah ini dalam tahun 2023 pada setiap suku tahun. Aliran pengedarannya bagi tempoh antara tahun 2019 hingga 2023 ada terdapat di Carta 1.

Sektor pembuatan barangan berasaskan timah merupakan pengguna utama logam timah tempatan. Ia merupakan satu sektor tambah nilai penting yang mana juga menyumbang kepada penggantian import dengan membekalkan komponen yang diperlukan kepada keseluruhan industri pembuatan produk negara. Penggunaan timah tempatan oleh sektor pembuatan barangan berasaskan timah telah mencatat sedikit peningkatan pada tahun 2023 sebanyak 0.8% atau 1,152 tan. Penyebab utama kepada peningkatan ini adalah pemulihan ekonomi pasca Covid-19 yang telah menghasilkan permintaan lebih tinggi bagi produk-produk pengguna terutamanya barang-barang elektrik dan peralatan elektronik.

Sub-sektor pateri telah mengatasi sub-sektor plat timah sebagai pengguna domestik terbesar pada tahun 2023. Sepanjang tahun laporan, sub-sektor pateri menggunakan 555 tan timah diikuti sub-sektor plat timah sebanyak 485 tan, dan sub-sektor piuter pula hanya 5 tan.

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

Carta 2: Penggunaan Logam Timah Tempatan (2019-2023)

Carta 2 ini menunjukkan penggunaan timah oleh pelbagai sub-sektor industri pembuatan produk berasaskan timah dari tahun 2019 sehingga 2023.



Sumber: Malaysia Smelting Corporation Bhd
Perusahaan Sadur Timah Malaysia Bhd

Carta 3: Perangkaan Industri Perlombongan Timah Malaysia

Carta 3 ini menunjukkan arah aliran aktiviti industri perlombongan timah Malaysia bagi tempoh dari tahun 2014 sehingga 2023.



* - Anggaran

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

PRESTASI INDUSTRI TIMAH GLOBAL DAN PANDANGAN MASA DEPAN

Berikut adalah satu laporan dari Persatuan Timah Antarabangsa (ITA), United Kingdom, berkenaan prestasi timah global pada tahun 2023 serta pandangan terhadap masa depannya. ITA merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berdedikasi ke arah menyokong industri timah dan memperluaskan kegunaan timah di seluruh dunia. Keahliannya terdiri daripada kebanyakan pengeluar timah utama dunia, dan ia mempunyai data paling komprehensif berkaitan timah global.

Tinjauan Industri Timah - 2023

Spekulasi mendorong ke-arah satu tahun bergolak bagi harga timah

Harga timah berkeadaan tidak menentu di sebahagian besar tahun 2023 dengan berakhir di lingkungan paras $25,000 sepertimana harga di permulaan tahun. Sentimen yang tidak meyakinkan di tengah-tengah prospek ekonomi makro yang lemah menjadi pengheret atas harga logam asasnya yang rendah mencerminkan pasaran yang spekulatif, pemacu utama terhadap pergerakan harga timah dewasa ini.

Sepanjang tahun 2023, harga timah mengalami beberapa sokongan spekulatif signifikan yang berkaitan dengan gangguan bekalan timah, pertamanya di suku pertama tahun tersebut dengan terjadinya tunjuk perasaan politik di Peru dan keduanya di musim panas dengan terdapatnya larangan perlombongan di Wilayah Wa, Myanmar. Namun, sokongan spekulatif itu kemudiannya kembali semula menjadi kedudukan kekurangan jualan yang mencerminkan sentimen tidak meyakinkan dengan pasaran timah akhirnya jatuh ke paras kekurangan jualan ketara sebanyak -1,325 kontrak pada awal bulan Disember. Corak pergolakan harga dan kejatuhan harga secara mendadak terutamanya pada suku ke-empat berkait rapat lebih kepada aktiviti-aktiviti teknikal dan perdagangan dan tidak kepada asas-asas lemah yang mencerminkan pergolakan pasaran baru-baru ini.

Naratif yang berbeza di antara bursa LME dan SHFE terjadi pada separuh kedua tahun 2023 apabila stok LME berkembang pesat mencecah paras tertinggi sebanyak 8,190 tan pada akhir bulan Disember mencermin permintaan lemah yang berterusan, terutamanya di Eropah. Menariknya, gudang LME di Pelabuhan Kelang, Malaysia menyumbang kira-kira 75% daripada keseluruhan stok LME ini. Sebaliknya, stok SHFE merosot secara konsisten di separuh kedua tahun 2023 dan menurun sebanyak 47% dari bulan Ogos sehingga Disember, mencecah paras terendah sebanyak 5,077 tan pada 8 Disember yang menunjukkan pemulihan sederhana bermusim di negeri China dan yang mana jelas menunjukkan pengagihan permintaan global yang tidak setara.

Harga timah tidak menentu
Harga tunai timah LME, AS$

Gangguan bekalan mn makro menurun
Kedudukan spekulatif LME



AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

Ketidakseimbangan landskap permintaan disokong oleh teknologi China

Pasaran timah pada tahun 2023 telah mengalami permintaan lemah, terbit dari tekanan-tekanan makroekonomi. Akan tetapi, perbezaan di antara rantau telah memberikan satu gambaran permintaan global yang berlainan di mana sebahagian besarnya terbit dari penggunaan di negeri China yang menyaksikan pertumbuhan sebanyak 3.5% dalam permintaan bagi timah, berbeza dari kemerosotan sebanyak 9.1% yang dialami di seluruh dunia. Secara keseluruhan, penggunaan logam timah global telah merosot sebanyak 2.9% kepada 360,400 tan.

Penggunaan timah global mengikut sektor, 2023



Sebahagian besar pertumbuhan permintaan di negeri China adalah didorong oleh kemajuan dalam teknologi, terutamanya dalam solar dan kenderaan elektrik, serta pemulihan dalam sektor elektronik pada separuh kedua tahun 2023. Negeri China telah mencapai lebih 50% pertumbuhan tahun demi tahun dalam pengeluaran modul fotovoltaik, menambah kapasiti solar yang mengagumkan sebanyak 216.9 gigawatt, lebih besar daripada jumlah kapasiti AS yang merupakan pasaran solar kedua terbesar di dunia. Pasaran EV negeri China juga mencatat pertumbuhan tinggi yang kini merangkumi 60% daripada keseluruhan pasaran global.

Di luar negeri China, keadaannya adalah lebih mencabar. Di Eropah, tekanan inflasi dan angka PMI yang lemah, khususnya di Jerman, telah menjejaskan permintaan yang ketara dalam sektor-sektor seperti plat timah dan kimia. Di peringkat global, kedua-dua pasaran tersebut telah mengecut sebanyak 8% pada tahun 2023. AS telah menunjukkan daya tahan yang lebih tinggi dengan menghindari dari jangkaan kemelesetan ekonomi dan berkemungkinan mencatat satu hasil yang baik dari pasca-monetarinya yang ketat walaupun premium di AS telah turun secara konsisten sepanjang tahun menggambarkan bahawa permintaan semasa adalah lemah.

Kelihatan banyak peningkatan gangguan bekalan

Perubahan keluaran lombong dari rantau utama 2022-2023
Timah dalam konsentrat, '000 tan



Beberapa siri gangguan bekalan telah memberi kesan kepada setiap rantau pengeluar timah utama pada tahun lepas, khususnya di Amerika Selatan, Myanmar dan Indonesia. Akibatnya, bekalan logam timah global dianggarkan telah menurun sebanyak 2.1% pada tahun 2023, suatu kedudukan yang tidak begitu ketara berbanding permintaan yang telah berkurangan.

Jumlah pengeluaran lombong global telah merosot dianggarkan sebanyak 3.9% kepada 285,400 tan pada tahun 2023 di mana sebahagian besarnya merupakan pengurangan pengeluaran dari Indonesia yang dianggarkan telah menurun sebanyak 7.9% pada tahun tersebut.

Yunnan Tin mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama logam timah dunia, manakala Minsur kekal berada di tempat kedua walaupun terpaksa menggantung operasi selama lebih dua bulan mulai pertengahan Januari di lombong San Rafealnya berikutan tercetusnya protes politik di Peru. Keadaan tersebut telah mengakibatkan kemerosotan sebanyak 54% pengeluaran dari Minsur pada suku pertama tahun 2023.

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

Kemerosotan paling ketara adalah penurunan pengeluaran dari PT Timah sebanyak 22.6% yang menyebabkannya jatuh ke belakang MSC di tempat ke-5. Ini mencerminkan satu penurunan yang lebih ketara dalam bekalan dari Indonesia di mana berlakunya dinamik pasaran yang mencabar meliputi peningkatan persaingan dari syarikat pelebur serta perkembangan dalam landskap kawal selia dan politik. Mulai bulan Jun 2023, kebanyakan syarikat pelebur persendirian kecil yang berdagang di ICDX telah mengalami kelewatan yang berpanjangan dalam memperbaharui lesen eksport mereka selain berlakunya penghijrahan aktiviti perdagangan ketara ke arah JFX yang lebih besar.

Nasionalisasi sumber semakin menjadi tema kebiasaan di seluruh dunia. Perhatian tertumpu kepada pilihan raya presiden di Indonesia pada bulan Februari 2024 dan implikasinya yang dijangkakan ke atas dasar eksport timah. Sementara di Brazil, satu rantau penting yang sedang meningkat naik bagi timah, Presidennya yang baru dipilih juga telah memberikan tumpuan khusus kepada sumber mineral negaranya, serta melancarkan satu kempen tegas bagi menentang kegiatan perlombongan haram. Tindakan ini secara tidak langsung telah turut memberi kesan kepada perlombongan timah yang beroperasi secara sah, mengehadkan ketersediaan bahan mentah dan menjadikan usaha pembaharuan lesen lebih sukar. Di negara jirannya Bolivia, EM Vinto telah mengekalkan kedudukannya di kalangan 10 teratas, walaupun telah mengisytiharkan *force majeure* terhadap operasinya di sebahagian besar tahun 2023.

Pengeluar sekunder Eropah, Aurubis telah melonjak tiga anak tangga ke kedudukan kelapan apabila meningkatkan pengeluarannya sebanyak 13% pada tahun 2023.

10 Pengeluar Logam Timah Teratas 2023

Pengeluaran logam timah (tan)

Kedudukan	Syarikat	2022	2023	Perubahan Tahun ke Tahun (%)
1	Yunnan Tin (China)	77,100	80,100	*4%*
2	Minsur* (Peru)	32,700	31,700	*-3%*
3	Yunnan Chengfeng (China)	20,600	21,800	*6%*
4	Malaysia Smelting Corp (Malaysia)	18,800	20,700	*10%*
5	PT Timah (Indonesia)	19,800	15,300	*-23%*
6	Guangxi China Tin (China)	10,900	12,000	*10%*
7	Jiangxi New Nanshan (China)	10,800	9,500	*-12%*
8	Aurubis Beerse (Belgium)	8,200	9,300	*13%*
9	Thaisarco (Thailand)	9,500	9,200	*-3%*
10	EM Vinto (Bolivia)	10,300	8,800	*-15%*

Data: Data sementara yang dilaporkan kepada ITA dan digenapkan kepada 100t terdekat.
**Termasuk pengeluaran dari anak syarikat Minsur Brazil, Taboca*

Pasaran tenaga telah memacu penggunaan timah

Peralihan terkini dalam sektor tenaga memperlihatkan landskap yang penuh dengan peluang-peluang cerah bagi timah. Lonjakan dalam penggunaan timah, dipacu keseluruhannya oleh tenaga suria dan kenderaan elektrik, telah memberi sinar baharu setelah berlakunya kemerosotan permintaan ketara pada tahun lepas, khususnya di negeri China. Peningkatan ini sebahagian besarnya terhasil dari pakej rangsangan Kerajaan menyeluruh di negeri China, sekaligus telah merancakkan sektor-sektor ini.

Dalam bidang tenaga suria, peranan timah amat menonjol dalam penghasilan reben suria, yang merupakan komponen kritikal dalam pemasangan modul-modul suria. Penggunaan timah dalam aplikasi ini melonjak sebanyak 40.1% kepada 29,400 tan pada tahun 2023, peningkatan daripada 20,900 tan. Selain itu, sektor kenderaan elektrik turut menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan sebanyak 4,300 tan dalam penggunaan pateri, memberi isyarat jelas tentang kedudukan penting timah yang semakin meningkat dalam industri yang berkembang pesat ini.

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

Akan tetapi, kepesatan mendadak ini telah mengakibatkan satu ketidakpadanan dalam dinamika perbekalan. Usaha-usaha pengeluaran di AS dan Eropah kini sedang bergelut untuk kekal seiring dengan kapasiti lebihan yang timbul dari negeri China ketika mana kita sedang menuju ke ambang tahun 2024. Namun begitu, prospek penggunaan timah masih kekal utuh, khususnya menjelang tahun 2030. Pertumbuhan ini dijangka lebih teratur, dipengaruhi oleh rangsangan lanjut daripada inisiatif-inisiatif di AS seperti peraturan IRA, walaupun melibatkan sedikit penjimatan timah.



Selain dari penggunaan-penggunaan utuh ini, potensi timah dalam sektor bateri semakin pesat berkembang. Penilaian penggunaannya dalam bateri ion-litium dan terutamanya dalam bateri ion-natrium semakin mendapat perhatian, dengan pelaksanaan komersilnya dijangka sebelum tahun 2030. Tambahan pula, lain-lain kegunaan inovatif dalam teknologi bateri turut dibangun, seperti pelaburan berprofil tinggi yang telah dibuat baru-baru ini dalam bateri termal berasaskan timah cecair.

Pelbagai jenis teknologi tenaga berasaskan timah turut juga dimajukan di makmal-makmal R&D di seluruh dunia. Sungguhpun bahan suria perovskit timah menghadapi persaingan daripada perovskit alternatif, ianya kekal sebagai pilihan yang lebih meyakinkan bagi proses penukaran tenaga suria yang kos efektif. Tambahan pula, minat yang semakin meningkat terhadap sistem timah cair-metana bagi pengeluaran hidrogen yang mesra alam menggambarkan tentang kepelbagaian dan potensi timah dalam sektor tenaga.

Pendigitalan akan mengembangkan lagi bidang peralatan elektronik

Tatkala dunia digital semakin berkembang pesat, peranan timah, terutamanya dalam sambungan pateri, menjadi semakin penting. Sambungan pateri ini adalah wira yang tidak diheboh-hebohkan dalam bidang elektronik, yang menyediakan cantuman penting di mana setiap bait data bergerak. Ini amat diperlukan dalam konteks memajukan teknologi 5G dan pelaksanaan *Internet of Things* (IoT).

Penggunaan rangkaian 5G merupakan satu lonjakan ketara dalam teknologi komunikasi, yang menyediakan kelajuan yang lebih pantas serta capaian internet yang lebih mantap. Ianya menandakan satu era baharu dalam peralatan pelbagai sambungan dan perkhidmatan. Seiring dengan kemajuan melalui pelbagai peringkat pelaksanaan 5G, bermula daripada pelancaran awal sehingga ke penggunaan meluas, permintaan terhadap pateri berkualiti tinggi, bermaknanya juga untuk timah, akan meningkat.

Pada masa yang sama, IoT sedang merevolusikan cara kita berinteraksi dengan peralatan-peralatan kita. Daripada rumah pintar kepada sistem pengangkutan pintar, IoT bergantung ke atas pelbagai peralatan yang saling bersambungan, di mana setiap satunya memerlukan sambungan pateri yang mantap untuk berfungsi secara optimum. Peranan timah dalam sambungan-sambungan ini amat diperlukan bagi kestabilan dan jangka hayat sistem IoT.

Memandang ke hadapan, ramalan-ramalan ada menyatakan tentang lonjakan besar dalam aliran trafik data serta jumlah bilangan komputer induk yang diperlukan bagi mengendalikan lonjakan ini.

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

Dengan pertumbuhan data digital yang begitu pesat, dianggar akan mencecah zettabait pada tahun-tahun akan datang, keperluan untuk mewujudkan pusat-pusat data yang kukuh dan cekap amatlah penting. Pusat-pusat data ini akan banyak bergantung ke atas pateri timah bagi memastikan integriti komponen-komponen elektronik yang tidak terkira begitu banyak bilangannya.

Pandangan bagi Industri Timah

Pasaran timah telah mengakhiri tahun 2023 dalam kedudukan yang unik bercirikan paras bekalan dan permintaan yang amat rendah serta menamatkan tahun 2023 dengan sedikit lebihan di bawah 10,000 tan, tidak termasuk perubahan stok. Melangkah ke tahun 2024, pasaran kelihatan bersedia untuk membuka lembaran baharu ketika mana gangguan bekalan nampak bersedia menghadapi permulaan pemulihan permintaan yang agak berliku.

Permintaan bagi timah diramalkan bercampur-campur namun akan untuk mengukuh, dirangsang oleh faktor ekonomi AS yang bertambah baik dengan penampilan kadar faedah yang lebih rendah, usaha-usaha rangsangan berterusan oleh kerajaan negeri China, serta peralihan berterusan ke arah tenaga hijau. Walaupun keseluruhan landskap ekonomi kekal lemah, pertumbuhan ketara dijangka terjadi dalam sektor teknologi, khususnya di negeri China. Namun demikian, keyakinan ini akan terjejas oleh potensi pelarasan dalam industri solar negeri China, terutamanya atas sebab lebihan kapasiti dan diiringi oleh aliran ke arah penjimatan penggunaan timah. Tampak memberangsangkan adalah sektor elektronik sedang menuju ke arah kebangkitan semula, dengan pasaran semikonduktor diramalkan mencapai pertumbuhan sebanyak 13.1%, menandakan fasa pemulihan yang kukuh.

Proses pemulihan dijangka masih mengambil masa panjang bagi sebahagian dari pasaran penggunaan timah yang telah teruk terjejas. Cabaran masih terus wujud dalam industri plat timah, yang jelas ternyata dalam isu rantaian bekalannya yang berterusan sepertimana kelihatan dari hasrat Nippon Steel untuk mengambil alih US Steel. Sementara itu, kedudukan sektor kimia pula berkait rapat dengan kebangkitan semula pasaran pembangunan hartanah di AS dan negeri China. Walaupun sentimen kelihatan lebih positif di AS, keraguan amat ketara terhadap keberkesanan inisiatif jangka panjang yang diperkenalkan oleh kerajaan China baru-baru ini untuk memulih sektor hartanahnya yang kian merosot.

Dari sudut bekalan, sedikit kesukaran dijangka berlaku pada suku pertama tahun 2023, khususnya disebabkan penguatkuasaan larangan berterusan di Wilayah Wa dan isu-isu berkaitan lesen eksport di Indonesia serta kemerosotan pengeluaran timahnya. Walaupun gangguan ini menimbulkan risiko yang ketara, ianya boleh ditangani dengan lain-lain punca bekalan kelihatan lebih optimistik. Pembukaan semula perlombongan di Wilayah Wa boleh membuka jalan bagi perkembangan teknologi jangka sederhana dan peningkatan dalam penerokaan mendalam. Sementara itu, pengeluaran yang akan bermula dari projek-projek di Afrika seperti Mpama South di Republik Demokratik Congo dan penambahan pengeluaran di Bolivia mampu menyumbang kepada kestabilan bekalan. Amerika Selatan mungkin menunjukkan sedikit pertumbuhan, sungguhpun cabaran alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta isu politik semasa berkemungkinan mengehadkan pertumbuhan tersebut. Tahap pengeluaran di Indonesia pula kekal menjadi satu perilaku kritikal yang harus diperhatikan.

Pada kesimpulannya, walaupun terdapat cabaran-cabaran besar mungkin berterusan, pasaran timah nampaknya bersedia pulih stabil tetapi dengan penuh ranjau di tahun mendatang.

Imbangan Perbekalan/Permintaan Logam Timah Dunia

'000 tan

	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 (anggaran)
Pengeluaran Logam Timah Global	385.5	368.4	336.5	379.0	378.1	370.1	369.6
Penggunaan Logam Timah Global	392.8	367.6	361.8	389.0	371.1	360.4	381.9
Imbangan Pasaran Global	**-7.3**	**0.8**	**-25.3**	**-9.9**	**6.9**	**9.7**	**-12.3**

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN LAIN

Lembaga Timah terus giat aktif dalam melaksanakan dan memberikan sokongan selain penyertaan dalam aktiviti-aktiviti dan program-program lain yang akan memberi manfaat kepada pembangunan industri timah dan sumber mineral pada masa hadapan.

Pada 5 Januari 2023, Lembaga Timah, melalui Pengerusinya, selaku Presiden Dewan Perlombongan Malaysia, memutuskan untuk membangkitkan semula isu mengenai dasar Kerajaan melarang perlombongan di HSK dan KSAS dengan menghantar satu kertas cadangan kepada Menteri NRES untuk menyelesaikan isu tersebut bagi membolehkan sumber-sumber mineral di kawasan-kawasan demikian dibangunkan serta meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara.

Antara cadangan yang telah dikemukakan untuk menyelesaikan isu tersebut ialah pembentukan satu kumpulan perbincangan berfokus (FDG) bagi menjalankan satu kajian terperinci terhadap kesan keseluruhan dan nilai pulangan kegiatan melombong di dalam kawasan HSK dan KSAS berdasarkan data dan analisis saintifik dan ekonomi. Walaupun maklum balas positif dijangka tidak akan diperoleh serta-merta, para penggiat industri berasa lega apabila mengetahui bahawa pada 11 September 2023, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menyediakan garis panduan bagi pelaksanaan aktiviti perlombongan di HSK, KSAS dan kawasan-kawasan perlindungan. Pada masa yang sama, Lembaga Timah telah meneruskan usaha membentuk FDG.

JALINAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Lembaga Timah terus memberikan sokongan padu ke arah menggalakkan kerjasama dan jalinan di kalangan industri, serantau dan antarabangsa. Anggota-anggota Lembaga dan kakitangan Urusetia telah menyertai pelbagai acara di peringkat global dan serantau, seperti persidangan, forum, seminar dan bengkel yang berkaitan dengan pembangunan industri sumber mineral. Melalui penyertaan sedemikian, kerjasama, usahasama dan jaringan yang bermakna dengan organisasi, agensi dan institusi berkaitan mineral, khususnya yang berada di rantau ASEAN dan Asia Pasifik, terus diperkukuh dan dipertingkatkan untuk manfaat bersama semua pihak.

Antara acara-acara utama di peringkat antarabangsa dan serantau yang telah disertai oleh anggota-anggota Lembaga dan kakitangan Urusetia pada tahun 2023 ialah Mesyuarat Para Pegawai Perhubungan Pameran dan Forum Kerjasama Perlombongan China-ASEAN (CAMCFE) 2023 ke-12, Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama bagi Kerjasama Mineral ASEAN (JWG) ke-9 dan Mesyuarat Bersekutunya serta Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama bagi Kerjasama Mineral ASEAN (JWG) ke-10 dan Mesyuarat Bersekutunya.

^ Di mesyuarat JWG ke-9 dan Mesyuarat Bersekutunya

^ Di mesyuarat Para Pegawai Perhubungan CAMCFE 2023 ke-12

AKTIVITI PENYELIDIKAN, KEMAJUAN & LAIN-LAIN

< Di CAMCFE 2023 ke-12



< Di mesyuarat JWG ke-10 Kerjasama Mineral ASEAN dan Mesyuarat Bersekutunya

Kesemua acara tersebut kecuali CAMCFE 2023 telah diadakan secara maya melalui platform mesyuarat dalam talian.

Walaupun MoU di antara Lembaga Timah dan ITA yang ditandatangani pada Mei 2017 telah tamat, anggota-anggota Lembaga dan kakitangan Urusetia masih menerima buletin ITA terbitan setiap dua minggu, iaitu *Tin in the News* dan juga turut menyertai forumnya iaitu *Responsible Tin Supply Group* yang berlangsung secara dalam talian.

Anggota-anggota Lembaga Timah dan kakitangan Urusetia akan terus menghadiri acara serantau dan antarabangsa sedemikian pada masa depan untuk membolehkan mereka memperolehi pandangan, pengetahuan dan pengalaman yang lebih mendalam mengenai prospek-prospek dan aliran masa depan yang mempengaruhi industri timah global, serta mewujudkan dan memperbaharui hubungan dan jalinan kerjasama dan kolaborasi yang bermakna pada masa hadapan.

Penganjuran acara-acara sebegini memberi peluang kepada pelbagai organisasi, institusi, perbadanan dan pemegang taruh dalam industri untuk turut terlibat dalam dialog, interaksi dan jaringan serta bekerjasama dalam mempromosi usahasama di bidang perdagangan dan pelaburan mineral dan logam, termasuk timah. Selain itu, ia juga membolehkan mereka untuk mengetahui akan teknologi-teknologi baharu yang sedang meningkat naik serta pembangunan pelbagai aplikasi baharu untuk timah dan lain-lain mineral/ logam yang berkaitan.

BADAN PENGGANTI BARU

Cadangan untuk membubarkan Lembaga Timah dan fungsinya diambil alih oleh organisasi lain mula tercetus pada tahun 1996. Namun, tiada inisiatif sebenar bagi menjayakan langkah tersebut dilaksanakan sehinggalah tahun 2021 apabila idea penubuhan *Mineral Industry Development Board* atau Lembaga Pembangunan Industri Mineral Malaysia (LPMM) dimasukkan ke dalam TIM 2021-2030.

Sepanjang tahun laporan, beberapa mesyuarat telah diadakan untuk membincang mengenai kaedah perlaksanaan yang terbaik untuk menubuhkan LPMM. Terdapat dua cadangan utama yang telah dipertimbangkan. Cadangan asal adalah untuk menaik taraf dan menyusun semula Lembaga Timah yang sedia ada menjadi Lembaga Mineral dengan meluaskan peranannya yang kini hanya meliputi timah kepada semua komoditi-komoditi mineral. Cadangan kedua melibatkan penggabungan fungsi Lembaga Timah dengan fungsi JMG dan disusuli oleh penstrukturan dan pemecahan keseluruhan fungsi-fungsi di antara dua entiti baharu yang dicadangkan, iaitu LPMM dan GeoMalaysia.

Laporan lengkap mengenai cadangan kedua ini telah disediakan oleh NRECC dan JMG serta dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan pada 17 Disember 2021. Cadangan tersebut telah tidak diterima berikutan ulasan-ulasan dari Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam yang berpendapat bahawa cadangan tersebut melibatkan pewujudan banyak perjawatan tambahan serta pembiayaan kewangan Kerajaan yang besar.

Pada 7 April 2023, dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha NRECC ketika itu, YBhg. Dato' Hj. Rosli Isa, satu pembentangan cadangan asal telah dibuat melibatkan pemerkasaan Lembaga Timah yang sedia ada menjadi LPMM dengan jumlah kakitangan yang minimum serta belanjawan operasinya yang rendah. Di satu lagi mesyuarat yang diadakan pada 10 November 2023, Urusetia Lembaga Timah telah dimaklumkan bahawa Kementerian telah memutuskan untuk meneruskan cadangan bagi memperluaskan peranan dan fungsi Lembaga Timah ke dalam LPMM. Kementerian kini sedang mengkaji draf rang undang-undang LPMM, struktur organisasinya yang dicadangkan, anggaran implikasi kewangan yang akan termasuk geran pelancaran, unjuran pendapatan dan belanjawan operasi untuk memastikan LPMM mampan kekal lestari untuk jangka panjang.

Dalam pada itu, dan sementara menunggu penubuhan LPMM, Lembaga Timah tetap komited dalam mencapai matlamat asal penubuhannya selain membantu Kerajaan dalam merealisasikan matlamat yang telah dinyatakan melalui TIM 2021-2030.

Dalam pada itu, dan sementara menunggu penubuhan LPMM, Lembaga Timah tetap komited dalam mencapai matlamat asal penubuhannya selain membantu Kerajaan dalam merealisasikan matlamat yang telah dinyatakan melalui TIM 2021-2030.

PENDAPATAN & PERBELANJAAN

SES

Operasi Lembaga Timah dibiayai sepenuhnya melalui kutipan ses daripada industri perlombongan timah. Ia tidak menerima sebarang peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Mulai 16 Julai 2013, kadar ses timah telah disemak semula dan dinaikkan ke 40 sen sekilogram bagi konsentrat timah yang diekspot menurut Perintah Perusahaan Timah (Penyelidikan dan Pembangunan) (Ses) (Pindaan) 2013 bertarikh 28 Jun 2013. Kutipan ses ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Penyelidikan, Kemajuan dan Maksud-maksud Am dan Kumpulan Wang Seranta pada kadar 20 sen setiap satu.

Kumpulan Wang Penyelidikan, Kemajuan dan Maksud-maksud Am telah ditubuh mengikut Seksyen 11(b), Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953. Ia membiayai segala aktiviti Lembaga Timah yang berkaitan dengan bidang penyelidikan, kemajuan dan maksud-maksud am kecuali seranta.

Kumpulan Wang Seranta telah ditubuh mengikut Seksyen 11(a) Akta yang sama. Ia membiayai segala aktiviti seranta Lembaga Timah.

Pada tahun 2023, kutipan ses telah meningkat sebanyak 15 peratus kepada RM2,445,836 daripada RM2,131,238 pada tahun 2022 berikutan dari peningkatan eksport konsentrat timah.

FAEDAH

Pendapatan daripada faedah yang diperolehi di atas simpanan tetap Lembaga di institusi-institusi kewangan yang berlesen berjumlah RM134,605 dalam tahun 2023 berbanding RM81,489 pada tahun 2022. Pendapatan daripada faedah yang diperolehi di atas akaun semasa Lembaga Timah dalam tahun 2023 berjumlah RM4,003 berbanding RM1,111 pada tahun 2022.

Carta 4: Kutipan Ses (2019-2023)

Carta 4 ini menjukkan arah aliran kutipan ses bagi lima tahun kebelakangan.



PENDAPATAN & PERBELANJAAN

Perbelanjaan keseluruhan daripada Kumpulan Wang Lembaga Timah pada tahun 2023 telah meningkat berbanding perbelanjaan dalam tahun sebelumnya kepada RM1,704,480 daripada RM1,682,118. Kumpulan Wang Lembaga Timah telah mencatat lebihan pendapatan sebelum cukai yang tinggi dalam tahun 2023 sebanyak RM879,964 berbanding RM531,720 pada tahun 2022.

Dengan lebihan ini dan selepas pembayaran cukai sebanyak RM167,136, baki di dalam Kumpulan Wang Terkumpul Lembaga Timah pada akhir tahun 2023 telah meningkat kepada RM4,998,906 daripada RM4,286,078 pada akhir tahun 2022.

Carta 5 : Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Yang Disatukan & Baki Kumpulan Wang Tekumpul Lembaga (P&K) Perusahaan Timah (2019 - 2023)

Carta 5 ini menunjukkan kedudukan pendapatan, perbelanjaan yang disatukan serta baki Kumpulan Wang Terkumpul Lembaga Timah bagi tempoh dari tahun 2019 sehingga 2023.



PENDAPATAN & PERBELANJAAN

Carta 6 berikut menunjukkan perbandingan di antara belanjawan pendapatan dan Perbelanjaan yang disatukan dengan pendapatan dan perbelanjaan sebenar Lembaga Timah bagi tahun 2023.

Carta 6 : Belanjawan Pendapatan dan Perbelanjaan Yang Disatukan berbanding yang Sebenar Tahun 2023 (RM), Lembaga (P&K) Perusahaan Timah



JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Timah telah menubuhkan Jawatankuasa Audit selaras dengan kehendak yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Am Sulit Kerajaan Bil. 2 Tahun 1993, yang telah dipinda melalui Surat Pekeliling No. 3 Tahun 1998. Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengawasi aktiviti-aktiviti kewangan Lembaga dengan matlamat untuk meningkatkan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti serta tadbir urus korporat. Ia juga menyemak dan menilai prosedur-prosedur, kedudukan serta sistem kawalan dalaman kewangan Lembaga, dari masa ke masa, sepertimana perlu.

Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang Anggota Rasmi sebagai Pengerusi, serta dua orang Anggota Wakil Lembaga termasuk Setiausaha Lembaga.

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak dua kali sepanjang tahun laporan, dan telah memajukan empat laporan suku tahunan berkaitan penyata kewangan Lembaga serta kedudukannya, termasuk laporan perkara-perkara berkaitan yang terletak di bawah bidang kuasa Jawatankuasa kepada Lembaga untuk perhatian dan pengesahan.

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengawasi aktiviti-aktiviti kewangan Lembaga dengan matlamat untuk meningkatkan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti serta tadbir urus korporat.

PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat
Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 *[Akta 62]* untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 49 hingga 54.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953 *[Akta 455]*

Asas Kepada Pendapat
Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain
Saya adalah bebas daripada Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya
Lembaga Pengarah, Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pengarah, Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan
Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953 *[Akta 455]*. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan
Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tariikh Sijil Juruaudit; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953 *[Akta 455]* dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
30 OKTOBER 2024

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA

LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA KUMPULAN WANG (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH 1953)

Kami, Dato' Seri Mohd Ajib Anuar dan Dato’ Sri Hj. Ahmad Omar, selaku Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga bagi Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

DATO’ SERI MOHD AJIB ANUAR
PENGERUSI
Tarikh : 25 JUN 2024
Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,

DATO’ SRI HJ. AHMAD OMAR
ANGGOTA LEMBAGA
Tarikh : 25 JUN 2024
Kuala Lumpur

PENGAKUAN PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA KUMPULAN WANG (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH 1953)

Saya, Hj. Muhamad Nor Muhamad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh yang penama di atas)
di Kuala Lumpur pada) **HJ. MUHAMAD NOR MUHAMAD**
25 JUN 2024)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 804
SHAIFUL HILMI
BIN HALIM
1 Januari 2023
Hingga
31 Disember 2025
MALAYSIA

Unit C-6-1, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur

**Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	Dinyatakan Semula 2022 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	**12,260**	14,970
ASET SEMASA			
Penghutang	4	**258,114**	334,916
Pelbagai Penghutang	5	**71,130**	39,434
Simpanan Tetap	6	**3,990,306**	3,886,646
Wang Tunai di Bank	7	**932,666**	124,641
Bayaran Balik Cukai		**-**	159,788
JUMLAH ASET SEMASA		**5,252,216**	4,545,425
JUMLAH ASET		**5,264,476**	4,560,395
EKUITI DAN LIABILITI			
EKUITI			
Lebihan Terkumpul		**4,998,906**	4,286,078
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	8	**265,570**	274,317
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		**5,264,476**	4,560,395

Nota-nota di muka surat 49 hingga 54 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	**2023** RM	Dinyatakan Semula 2022 RM
PENDAPATAN	9	**2,445,836**	2,131,238
PELBAGAI PENDAPATAN	10	**138,608**	82,600
JUMLAH PENDAPATAN		**2,584,444**	2,213,838
PERBELANJAAN			
Perhubungan Awam dan Seranta	11	**36,185**	38,279
Penyelidikan dan Kemajuan	12	**171,325**	121,000
Caj Pentadbiran	13	**1,171,373**	1,194,038
Sewa Pejabat	14	**167,672**	167,672
Perbelanjaan Operasi Lain	15	**155,015**	158,226
Susutnilai	3	**2,910**	2,903
JUMLAH PERBELANJAAN		**1,704,480**	1,682,118
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	16	**879,964**	531,720
Cukai	17	**(167,136)**	(18,734)
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		**712,828**	512,986

Nota-nota di muka surat 49 hingga 54 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan Wang Seranta	Kumpulan Wang Penyelidikan	Jumlah Disatukan
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2022			
(Seperti diaudit)	1,825,994	1,921,970	3,747,964
Pelarasan tahun lalu	12,564	12,564	25,128
Baki pada 1 Januari 2022			
(Seperti dinyatakan semula)	1,838,558	1,934,534	3,773,092
Lebihan pendapatan bagi tahun 2022 selepas cukai			
- Seperti dilaporkan sebelum ini	320,858	228,190	549,048
- Pelarasan tahun lalu	(18,031)	(18,031)	(36,062)
Seperti dinyatakan semula	302,827	210,159	512,986
Baki pada 31 Disember 2022			
(Seperti dinyatakan semula)	2,141,385	2,144,693	4,286,078
Baki pada 1 Januari 2023	2,141,385	2,144,693	4,286,078
Lebihan pendapatan bagi tahun 2023 selepas cukai	437,382	275,446	712,828
Baki pada 31 Disember 2023	**2,578,767**	**2,420,139**	**4,998,906**

Nota-nota di muka surat 49 hingga 54 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	2023	Dinyatakan semula 2022
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	**879,964**	531,720
Pelarasan bagi:		
Pendapatan Faedah	**(138,608)**	(82,600)
Susutnilai	**2,910**	2,903
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	**744,266**	452,023
Pengurangan/(Penambahan) Penghutang	**76,802**	(4,286)
Penambahan Pelbagai Penghutang	**(31,696)**	(3,671)
(Pengurangan)/Penambahan Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	**(32,947)**	18,416
Penerimaan Pulangan Cukai	**159,788**	-
Bayaran Cukai	**(143,136)**	(114,750)
Pendapatan Faedah atas Wang Tunai di Bank	**4,003**	1,111
Tunai Bersih Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi	**777,080**	348,843
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	**-**	(1,300)
Pendapatan Faedah atas Simpanan Tetap	**134,605**	81,489
Tunai Bersih Diperolehi Daripada Aktiviti Pelaburan	**134,605**	80,189
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	**911,685**	429,032
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun	**4,011,287**	3,582,255
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun	**4,922,972**	4,011,287
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Simpanan Tetap	**3,990,306**	3,886,646
Wang Tunai di Bank	**932,666**	124,641
	4,922,972	4,011,287

Nota-nota di muka surat 49 hingga 54 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1 MAKLUMAT AM

Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953 (Akta 455). Akta ini memperuntukkan kutipan ses atas eksport timah dari Malaysia bagi tujuan membiayai operasi Lembaga Timah ke atas aktiviti-aktiviti penyelidikan, kemajuan, seranta dan aktiviti-aktiviti lain untuk manafaat industri timah di Malaysia.

Sejak 1979, ses telah dikutip pada kadar 3.6377 sen sekilogram timah dieksport. Mulai 16 Julai 2013, kadar ses telah dinaikkan kepada 40 sen sekilogram melalui Perintah Industri Timah (Penyelidikan dan Kemajuan) (Ses) (Pindaan) 2013 bertarikh 28 Jun 2013. Ses ini diagihkan pada 20 sen setiap kumpulan wang Lembaga Timah iaitu Kumpulan Wang Seranta dan Kumpulan Wang Penyelidikan, Kemajuan dan Maksud-maksud Am (Kumpulan Wang Penyelidikan).

Kumpulan Wang Seranta telah ditubuhkan mengikut Seksyen 11(a) Akta Kumpulan Wang (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953 bagi membiayai segala aktiviti seranta dan perhubungan awam Lembaga Timah. Kumpulan Wang Penyelidikan telah ditubuhkan mengikut Seksyen 11(b) Akta yang sama untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan penyelidikan, kemajuan dan maksud-maksud am.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kepada asas kos sejarah dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) serta peruntukan-peruntukan di bawah Akta 455. Lembaga Timah telah diberikan pengecualian dari menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) berdasarkan surat dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 31 Disember 2019.

2.2 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka masa penggunaan aset tersebut pada kadar tahunan seperti berikut:

Perabot dan Kelengkapan	10%
Perkakasan Pejabat dan Pemasangan	10%
Perpustakaan	10%

2.3 Kakitangan urusetia dan perbelanjaan gunasama

Lembaga Timah tidak mempunyai kakitangannya sendiri. Segala urusan pentadbiran, kesetiausahaan dan perkeraniannya dikendalikan oleh kakitangan Dewan Perlombongan Malaysia (Dewan). Ruang pejabat dan perbelanjaan gunasama dikongsi bersama dengan Dewan dan *The Kuala Lumpur Tin Market (KLTM), dan dibahagi-bahagikan mengikut peratusan berikut yang dikemaskini berkuatkuasa mulai 1*

	Lembaga Timah			
	Kumpulan Wang Seranta	Kumpulan Wang Penyelidikan	Dewan	KLTM
Caj Pentadbiran	42.5%	42.5%	10.0%	5.0%
Perbelanjaan gunasama	42.5%	42.5%	10.0%	5.0%

Caj pentadbiran terdiri daripada gaji, elaun perumahan dan bonus kakitangan, caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), dan yuran pe-

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING (*SAMBUNGAN)*

2.3 Kakitangan urusetia dan perbelanjaan gunasama (*sambungan)*

Perbelanjaan gunasama terdiri daripada sewa pejabat, elektrik, setem dan telefon, percetakan dan alat tulis, perbelanjaan am, perbelanjaan perjalanan dan langganan penerbitan.

Perbelanjaan-perbelanjaan di atas didahului pembayarannya oleh Dewan dan kemudiannya dibayar balik oleh Lembaga Timah mengikut asas perkongsian di atas.

2.4 Instrumen kewangan / Aset kewangan

i) Pengiktirafan awal dan pengukuran
Aset kewangan atau liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, sebuah entiti dalam Lembaga Timah menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya merupakan harga transaksi, ditambah kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi dikira sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

ii) Pengukuran aset kewangan
Untuk tujuan pengukuran berikutnya, Lembaga Timah mengklasifikasikan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan lain tertakluk kepada semakan kemerosotan nilai.

iii) Pengukuran liabiliti kewangan
Selepas pengiktirafan awal, Lembaga Timah mengukur semua liabiliti kewangan pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan, kecuali instrumen derivatif yang merupakan liabiliti, yang mana diukur pada nilai saksama.

iv) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan
Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif, dan dengan ketiadaan harga pasaran yang boleh dirujuk, teknik penilaian digunakan.

v) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian
Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diklasifikasikan sebagai pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ia berlaku.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos dilunas, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

2.5 Tunai dan kesetaraan tunai
Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di dalam bank dan simpanan tetap yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.6 Hasil
Hasil mewakili kutipan ses ke atas timah yang dieksport yang diiktiraf berdasarkan asas akruan.
Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kadar faedah berkesan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2 DASAR PERAKAUNAN PENTING *(SAMBUNGAN)*

2.7 Liabiliti dan ekuiti
Liabiliti Lembaga Timah mewakili pemiutang yang diiktiraf berdasarkan asas akruan.
Ekuiti mewakili lebihan terkumpul pendapatan Lembaga Timah berbanding perbelanjaan.

2.8 Cukai pendapatan
Cukai yang dibayar adalah berdasarkan pendapatan boleh cukai untuk tahun semasa. Liabiliti Lembaga Timah untuk cukai semasa dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada akhir tempoh pelaporan.

3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kumpulan Wang Seranta RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Jumlah Disatukan RM
KOS			
Perabot dan Kelengkapan			
Pada 1 Januari 2023	**39,314**	**27,634**	**66,948**
Pada 31 Disember 2023	**39,314**	**27,634**	**66,948**
Perkakasan Pejabat dan Pemasangan			
Pada 1 Januari 2023	**2,465**	**2,465**	**4,930**
Pada 31 Disember 2023	**2,465**	**2,465**	**4,930**
Perpustakaan			
Pada 1 Januari 2023	**1,300**	**-**	**1,300**
Penambahan	**200**	**-**	**200**
Pada 31 Disember 2023	**1,500**	**-**	**1,500**
Jumlah Kos pada 31 Disember 2023	**43,279**	**30,099**	**73,378**
SUSUTNILAI TERKUMPUL			
Perabot dan Kelengkapan			
Pada 1 Januari 2023	**36,129**	**20,001**	**56,130**
Susutnilai Tahun Semasa	**1,143**	**1,141**	**2,284**
Pada 31 Disember 2023	**37,272**	**21,142**	**58,414**
Perkakasan Pejabat dan Pemasangan			
Pada 1 Januari 2023	**985**	**985**	**1,970**
Susutnilai Tahun Semasa	**247**	**247**	**494**
Pada 31 Disember 2023	**1,232**	**1,232**	**2,464**
Perpustakaan			
Pada 1 Januari 2023	**108**	**-**	**108**
Susutnilai Tahun Semasa	**132**	**-**	**132**
Pada 31 Disember 2023	**240**	**-**	**240**
Jumlah Susutnilai Terkumpul pada 31 Disember 2023	**38,744**	**22,374**	**61,118**
NILAI BUKU BERSIH			
Pada 31 Disember 2023	**4,535**	**7,725**	**12,260**
Pada 31 Disember 2022	**5,857**	**9,113**	**14,970**

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

		2023	Dinyatakan Semula 2022
4	**PENGHUTANG**	**RM**	RM
	Kumpulan Wang Seranta	**129,057**	167,458
	Kumpulan Wang Penyelidikan	**129,057**	167,458
	Jumlah Disatukan	**258,114**	334,916

		2023	2022
5	**PELBAGAI PENGHUTANG**	**RM**	RM
	Kumpulan Wang Seranta	**32,127**	18,712
	Kumpulan Wang Penyelidikan	**39,003**	20,722
	Jumlah Disatukan	**71,130**	39,434

		2023	2022
6	**SIMPANAN TETAP**	**RM**	RM
	Kumpulan Wang Seranta	**1,999,705**	1,945,674
	Kumpulan Wang Penyelidikan	**1,990,601**	1,940,972
	Jumlah Disatukan	**3,990,306**	3,886,646

		2023	2022
7	**WANG TUNAI DI BANK**	**RM**	RM
	Kumpulan Wang Seranta	**547,550**	67,295
	Kumpulan Wang Penyelidikan	**385,116**	57,346
	Jumlah Disatukan	**932,666**	124,641

		2023	Dinyatakan Semula 2022
8	**PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU**		
	Pemiutang	**RM**	RM
	Kumpulan Wang Seranta	**113,957**	64,162
	Kumpulan Wang Penyelidikan	**125,513**	58,727
		239,470	122,889
	Perbelanjaan Terakru		
	Kumpulan Wang Seranta	**20,250**	74,464
	Kumpulan Wang Penyelidikan	**5,850**	76,964
		26,100	151,428
	Jumlah Disatukan	**265,570**	274,317

Termasuk dalam jumlah pemiutang dan perbelanjaan terakru ialah:
(i) Jumlah pemiutang bagi Kumpulan Wang Seranta dan Kumpulan Wang Penyelidikan sebanyak RM113,957 (2022: RM64,162) dan RM125,513 (2022: RM58,727) masing-masing adalah perbelanjaan yang didahulukan oleh Dewan Perlombongan Malaysia.
(ii) Jumlah perbelanjaan terakru bagi Kumpulan Wang Seranta dan Kumpulan Wang Penyelidikan sebanyak RM20,250 (2022: RM74,464) dan RM5,850 (2022: RM76,964) masing-masing adalah peruntukan bagi fi audit dan fi profesional.

		2023	Dinyatakan Semula 2022
9	**PENDAPATAN**		
	Kumpulan Wang Seranta	**RM**	RM
	Kutipan Ses atas Timah Dieksport	**1,222,918**	1,065,619
	Kumpulan Wang Penyelidikan		
	Kutipan Ses atas Timah Dieksport	**1,222,918**	1,065,619
	Jumlah Disatukan	**2,445,836**	2,131,238

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

10 PELBAGAI PENDAPATAN

	2023	2022
	RM	RM
Kumpulan Wang Seranta		
Faedah atas Simpanan Tetap	**67,446**	39,404
Faedah atas Akaun Semasa	**2,033**	619
	69,479	40,023
Kumpulan Wang Penyelidikan		
Faedah atas Simpanan Tetap	**67,159**	42,085
Faedah atas Akaun Semasa	**1,970**	492
	69,129	42,577
Jumlah Disatukan	**138,608**	82,600

11 PERHUBUNGAN AWAM DAN SERANTA

	2023	2022
	RM	RM
Kumpulan Wang Seranta		
Tajaan dan Derma	**-**	2,000
Penerbitan "Malaysian Tin Buletin"	**30,600**	30,600
Bayaran Pos "Malaysian Tin Buletin"	**5,585**	5,679
	36,185	38,279

12 PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN

	2023	2022
	RM	RM
Kumpulan Wang Penyelidikan		
Projek Penyelidikan dan Kemajuan	**171,325**	121,000
	171,325	121,000

13 CAJ PENTADBIRAN

	2023	Dinyatakan Semula 2022
	RM	RM
Kumpulan Wang Seranta	**585,571**	597,019
Kumpulan Wang Penyelidikan	**585,802**	597,019
Jumlah Disatukan	**1,171,373**	1,194,038

14 SEWA PEJABAT

	2023	2022
	RM	RM
Kumpulan Wang Seranta	**83,836**	83,836
Kumpulan Wang Penyelidikan	**83,836**	83,836
Jumlah Disatukan	**167,672**	167,672

15 PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	2023	2022
	RM	RM
Kumpulan Wang Seranta		
Elektrik	**2,280**	2,189
Setem dan Telefon	**5,612**	5,403
Percetakan dan Alat Tulis	**16,704**	7,552
Perbelanjaan Am	**18,903**	25,747
Langganan Penerbitan	**1,401**	3,253
Perbelanjaan Perjalanan	**27,757**	25,510
Fi Audit	**3,243**	3,150
	75,900	72,804
Kumpulan Wang Penyelidikan		
Elektrik	**2,280**	2,189
Setem dan Telefon	**4,979**	5,184
Percetakan dan Alat Tulis	**5,979**	6,692
Perbelanjaan Am	**19,409**	26,060
Langganan Penerbitan	**7,178**	1,379
Perbelanjaan Perjalanan	**28,917**	32,368
Fi Audit	**3,243**	3,150
Elaun Mesyuarat	**4,300**	6,100
Fi Profesional	**2,830**	2,300
	79,115	85,422
Jumlah Disatukan	**155,015**	158,226

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

16 LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI

	2023 RM	Dinyatakan Semula 2022 RM
Kumpulan Wang Seranta		
Jumlah Pendapatan	**1,292,397**	1,105,642
Jumlah Perbelanjaan	**(783,014)**	(793,445)
	509,383	312,197
Kumpulan Wang Penyelidikan		
Jumlah Pendapatan	**1,292,047**	1,108,196
Jumlah Perbelanjaan	**(921,466)**	(888,673)
	370,581	219,523
Jumlah Disatukan	**879,964**	531,720

17 CUKAI

	2023 RM	2022 RM
Anggaran Cukai Semasa	**144,000**	114,750
Terlebih peruntukan dalam tahun terdahulu	**-**	(96,016)
Terkurang peruntukan dalam tahun terdahulu	**23,136**	-
Penalti Cukai	**-**	-
Perbelanjaan Cukai	**167,136**	18,734

Cukai pendapatan Lembaga Timah dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 24% ke atas pendapatan boleh cukai bagi tahun kewangan.

18 PROGRAM RASIONALISASI

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam kini sedang dalam proses melaksanakan program penstrukturan di mana Lembaga Timah akan menjadi satu entiti baharu yang dinamakan Lembaga Pembangunan Industri Mineral Malaysia.

19 PELARASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN, PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF DAN PENYATA ALIRAN TUNAI

	Seperti dinyatakan sebelum RM	Pelarasan tahun lalu RM	Seperti dinyatakan semula RM
Penyata Kedudukan Kewangan			
Aset			
Penghutang	209,222	125,694	334,916
Ekuiti dan Liabiliti			
Pemiutang dan perbelanjaan terakru	137,689	136,628	274,317
Lebihan terkumpul	4,297,012	(10,934)	4,286,078
		125,694	
Penyata Pendapatan Komprehensif			
Pendapatan	(2,030,672)	(100,566)	(2,131,238)
Caj pentadbiran	1,057,410	136,628	1,194,038
		36,062	
Penyata Aliran Tunai			
Lebihan pendapatan sebelum cukai	567,782	(36,062)	531,720
Penambahan penghutang	96,280	(100,566)	(4,286)
Penambahan Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	(118,212)	136,628	18,416
		-	

20 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Resolusi yang bertarikh 25 Jun 2024.

TABLE OF CONTENTS

TIN INDUSTRY (RESEARCH AND DEVELOPMENT) BOARD

8th Floor, West Block, Wisma Golden Eagle Realty
142-C, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Tel: 603-2161 6171
Fax: 603-2161 6179
Email: mcom@mcom.com.my
Website: www.lpt.com.my

CHAIRMAN'S STATEMENT

DATO' SERI MOHD AJIB ANUAR
CHAIRMAN,
TIN INDUSTRY (RESEARCH AND DEVELOPMENT) BOARD

